

# Kedai makan gaji pekerja haram

**KUALA LUMPUR** — Tindakan haram sebuah kedai makan yang menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) bekerja tanpa permit mengundang padah apabila dikompaun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kejadian di Jalan Mega Mendung di sini kelmarin.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengeluarkan

dua notis kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Penempatan Makanan 2016 (1)(b) terhadap premis berkenaan.

"Isu pemilik perniagaan warga tempatan menggaji warga asing telah lama diperkatakan. Lebih buruk lagi warga asing yang digaji tidak mempunyai permit bekerja.

"Walau apa pun alasannya, peraturan perlulah dipatuhi. Jika

melibatkan pekerja warga asing perlulah dengan permit yang sah," kata kenyataan itu.

Tegas DBKL lagi, pemilik premis juga dinasihatkan supaya tidak mengutamakan untung semata-mata dengan meminjamkan lesen kepada warga asing.

"Paling penting jangan pula nak untung atas angin dengan 'mengalibabakan' lesen kepada warga asing," katanya.



**ANGGOTA DBKL melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kedai makan di Jalan Mega Mendung, Kuala Lumpur semalam.**